

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA SIRI 3 TAHUN 2023

KUANTAN, 17 November 2023 – Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menganjurkan Program Transformasi Minda (PTM) Siri 3 Tahun 2023 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Teluk Gading, Rompin Pahang Darul Makmur. Kursus ini berlangsung selama tujuh (7) hari bermula 04 November 2023 (Sabtu) hingga 10 November 2023 (Jumaat) yang dihadiri oleh 80 orang peserta kursus daripada pelbagai Unit, Bahagian, dan Jabatan seluruh negeri Pahang. PTM merupakan satu *platform* pendedahan kepada penjawat awam yang berada pada peringkat awal pelantikan iaitu dalam tempoh percubaan bagi memberikan pendedahan kepada pegawai mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam.

Selain itu, objektif PTM adalah untuk memupuk sifat keperibadian seseorang individu, jati diri dan nilai patriotisme pegawai agar lebih berketerampilan dan berkemampuan dalam menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam. Bukan itu sahaja, kepentingan PTM ini juga dapat menerapkan nilai budaya kerja cemerlang supaya pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan dan juga melahirkan pegawai minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.

Selain daripada pembelajaran dalam kelas, peserta juga melakukan aktiviti sosial melalui program *Corporate Social Responsibility (CSR)* yang melibatkan beberapa pihak iaitu daripada Lembaga Pembangunan Tioman, Tourism Pahang, Pejabat Daerah Rompin dan Penghulu Mukim Endau bagi menghasilkan beberapa video kreatif untuk mempromosikan tempat pelancongan di Daerah Rompin. Antara tempat yang terpilih adalah udang galah di Kampung Leban Chondong, canting batik di Kampung Garong, ladang jagung di Kampung Jawa dan lain-lain lagi.

Video kreatif yang telah dihasilkan oleh peserta semasa program CSR akan dijadikan sebagai bahan promosi di kawasan daya tarikan pelancongan yang terdapat di Daerah Rompin oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dan bersemangat dalam menjayakan program PTM mengikut takwimnya sebanyak tiga (3) kali setahun bertempat di seluruh negeri Pahang.

Disediakan oleh Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Nur Husnina binti Mohamed

Foto : Faisal bin Mustapha Bakar

GAMBAR PROGRAM





